

## MERITOKRASI

**K**alau anakanda sanggup bekerja keras dan bertekun dalam menuntut ilmu sebagai mahasiswa, anakanda tidak perlu takut pada MERITOKRASI.

Kalau anakanda takut padanya, maknanya ialah:

1. Anakanda mengakui bahawa otak anakanda tidak "Sebaik otak orang lain".
2. Anakanda tidak sanggup untuk bekerja keras.

Adakah anakanda takut pada MERITOKRASI?

HEP

## MAHASISWA: BINA HALATUJU DIRI!!!

oleh: Mohd Fakhrurazi Ibrahim

Sejarah membuktikan perkembangan tamadun dan peradaban serta penerusan proses perkembangan tamadun sesuatu bangsa atau negara amat bergantung kepada generasi muda. Realiti kini mengingatkan kita bahawa generasi muda yang ingin diketengahkan demi masa depan yang gemilang perlulah dari kalangan pemuda yang mempunyai ilmu dan pendidikan yang tinggi. Ini menjadikan mahasiswa tersenarai sebagai kelompok paling utama dari kalangan generasi muda untuk diletakkan sandaran pembangunan tamadun itu.

Biarpun begitu, mahasiswa tidak boleh ambil mudah dan terlalu yakin bahawa mereka sememangnya dari kalangan terbaik. Banyak ciri dan nilai yang berkaitan diambil kira bagi menentukan mahasiswa sebagai kelompok yang benar-benar terpilih. Mahasiswa perlu cemerlang dalam banyak perkara, matang dalam pelbagai situasi dan bijak dalam membuat keputusan. Mereka perlu membuktikan bahawa pengajian yang sedang dilalui berada di tahap yang cemerlang dan dikagumi oleh banyak pihak. Mereka perlu menunjukkan akhlak yang dimiliki benar-benar bercirikan nilai dan norma yang baik. Mereka perlu memaparkan bahawa interaksi yang berlaku antara mereka dengan persekitaran memberi kesan positif kepada semua yang terlibat. Semua ini dan banyak lagi boleh meletakkan status mahasiswa di tahap yang cukup dikagumi.

bersambung di muka surat 2

## Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

## ◆ Di Sini Ada Harapan ◆

*Di hujung terowong, aku nampak cahaya  
semakin kuhampiri, semakin jadi nyata.*

*Di sini ada intan gemerlapan  
di sini ada permata bercahaya  
di sini ada api bernyala  
di sini ada anakanda.*

*Aku semakin pasti  
di sini ada harapan  
untuk bina wawasan  
cahayanya kilauan.*

*Bercahayalah api, intan dan permata  
menerangi gelita  
di mana pun berada.*

\*\*\* Hashim Yaacob

Malah Rasulullah s.a.w. ketika menggambarkan harapannya kepada generasi muda telah bersabda dengan maksud: "*Sesungguhnya Allah sangat-sangat kagum terhadap pemuda yang tidak didapati pada dirinya keruntuhan moral dan akhlak*".

Mahasiswa perlu menjadi manusia yang berkualiti. Kualiti kemahasiswaan perlu digerakkan serta digilap dari semasa ke semasa. Adalah suatu yang angkuh sekiranya mahasiswa dalam gerak laku hariannya menonjolkan diri sebagai orang yang tidak memerlukan nasihat dan tunjuk ajar dari kalangan mereka yang lebih berpengalaman. Suasana yang ada dalam kampus sewajarnya mampu melahirkan individu mahasiswa yang tinggi moral dan etikanya. Mahasiswa perlu memanfaatkan tenaga pengajar dan segala sumber pendidikan yang ada untuk meletakkan diri mereka sebagai pemuda yang terpilih dan dipilih. Terpilih berdasarkan kebolehan dan keupayaan atas usaha yang berterusan; dipilih disebabkan kebijaksanaan dan ketenangan yang diadun dalam kehidupan.

Mahasiswa perlu menjadi pemuda yang mempunyai halatuju dan matlamat yang jelas dan terancang. Matlamat dan halatuju tersebut perlulah seiring dengan perkembangan negara agar mampu menjadi generasi penerus yang lebih baik kepada apa yang telah dicapai sebelumnya. Mereka perlu berusaha ke arah itu dengan kadar upaya yang tinggi dan penuh keinsafan diri. Mahasiswa yang terpilih tidak perlu cepat melatah, tidak pula mudah diratah. Mereka perlu menjadi individu yang bebas dan boleh membuat pertimbangan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Mahasiswa tidak perlu cepat prajudis atau buruk sangka terhadap sesuatu perkara tanpa mendapatkan fakta dan hakikat yang sebenar. Jadilah pemuda yang tidak mudah dipersenda kerana ilmunya

tinggi, pelajarannya cemerlang dan akhlaknya mulia.

Pemuda dahulu bertungkus lumus memerdekakan negara, menyelamatkan bangsa, mendaulatkan agama dan meletakkan asas untuk pembangunan tanah air tercinta, lantas kini mereka dipuja sebagai wira bangsa dan negara. Biarpun begitu, mereka tidak menadahkan tangan di langit agar kemerdekaan dan asas-asas kemajuan jatuh ke riba, sebaliknya mereka berusaha dengan jerih perih untuk menjadikan generasi selepas mereka senang dan selesa. Cetusan semangat untuk pemuda-pemudi dahulu pernah diungkapkan di dalam majalah Suara UMNO, 15 Mac 1954 melalui puisi karangan Matlob bertajuk "*Matlamat Yang Dituju*" seperti berikut:

Pemuda... pemuda...!!  
Segera bangun! Jangan diam membelenggu khayal dengan fikiran melayang ... kini ... tahun 54 ... tahun yang bersejarah tahun yang menetapkan kedudukan kita tahun yang membawa perubahan besar.

Pemuda dan pemudi ...  
Bangun! Sedar!! Insaf!!!  
Bangun dengan fikiranmu!  
Sedar akan kebodohan dan kecuaiannya!!  
Insaf keadaan negaramu!!!

Sekarang ...  
Tumpukan segala tenagamu ...

Tumpukan segala hasratmu ...  
Tumpukan segala tekadmu ...  
Segera bangun ...  
Mara ke hadapan, maju perlahan-lahan dengan sikapmu yang tenang dan yakin bangun, mara, maju!!!  
Menuju matlamat ... berkerajaan sendiri.

Puisi di atas memberi mesej yang jelas dan kesannya amat mendalam andainya difahami oleh pemuda sekarang. Sekiranya diungkapkan untuk tahun ini (2001), puisi ini seperti masih tepat dan sesuai kepada golongan muda. Sekurang-kurangnya mereka sedar bahawa pemuda dahulu telah cukup berusaha dan sewajar pemuda kini meneruskan apa yang telah diaskan. Tidak keterlaluan andainya

dikatakan bahawa pemuda yang hanya berpeluk tubuh, tidak mahu menyumbang dan hanya mengharapkan sumbangan walaupun mempunyai keupayaan merupakan salah satu daripada unsur "sampah masyarakat" biarpun mereka dari kalangan mahasiswa.

Keseluruhan mahasiswa yang ada pada hari ini adalah dari kalangan pemuda yang lahir selepas merdeka. Mereka lahir ditatangkan emosi ibu bapa yang tenang. Mereka didodoikan di tanah merdeka, disuap makanan berkhasiat, dididik sebagai anak merdeka, lantas mereka tidak faham apa itu penjajah dan bagaimana rasanya dijajah. Apa yang difahami hanyalah apa yang dibaca dari catatan buku sejarah. Hanya kesedaran sahaja mampu memberi kefahaman kepada mereka agar lebih mengerti maksud halatuju pemuda demi kebangunan negara.

Soal menentukan kebangunan negara juga perlu bersandarkan saranan pemimpin negara. Perdana Menteri dalam ucapannya pada Kursus Bina Negara Perdana 1, Januari 1992 menyebut: "*Jatuh bangun, maju mundur sesuatu negara bangsa adalah bergantung kepada nilai-nilai yang diamalkan oleh negara bangsa itu. Jika nilai-nilai yang diamal adalah seperti amanah, berdisiplin, kerja kuat dan lain-lain nilai mulia maka akan majulah negara bangsa itu. Jika nilai-nilai sebaliknya yang diamal, maka negara bangsa itu akan mengalami kejatuhan dan kemunduran.*"

Mahasiswa perlu menjadi pemuda yang sedar bahawa mereka adalah penggerak utama kebangkitan tamadun ilmu dan peradaban negara. Mereka tidak boleh membuka ruang kepada penjajahan fikiran oleh pihak luar dalam mengisi abad ini. Kesungguhan dan kesedaran untuk menjana diri sebagai pemuda berkualiti dengan mengutamakan ilmu pengetahuan akan membolehkan mereka menjadi sandaran harapan agama, bangsa dan negara.

# MAHASISWA PERLU TAHU

## • SAYEMBARA DEKLAMASI PUISI HARI MERDEKA PERINGKAT IPTA •

Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Kemerdekaan 2001 akan diadakan bagi memilih wakil IPTA ke pertandingan Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan 2001 peringkat kebangsaan. Untuk itu Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya telah diberi kepercayaan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) untuk menganjur pertandingan Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Kemerdekaan 2001 peringkat IPTA. Sehubungan itu Sayembara Deklamasi Puisi ini akan diadakan pada **hari Rabu, 22 Ogos 2001 jam 8.30 malam bertempat di Auditorium Perdanasiswa, Universiti Malaya.**

Peserta-peserta akan mendeklamasikan sebuah puisi yang dipilih daripada 36 buah puisi yang terdapat dalam *Antologi Puisi 'AKSARA MERDEKA'* terbitan GAPENIAGA SDN BHD 2000.

Pihak HEP menjemput seluruh warga kampus untuk turut hadir ke majlis ini dan tiada sebarang bayaran dikenakan.

## • PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Encik Nor Hasim Khalil adalah Penolong Pegawai Tadbir yang bertugas di Bahagian Hal Ehwal Pelajar sejak tahun 1979. Beliau mula bertugas di Universiti Malaya pada 25 Jun 1976 di Pejabat Bendahari dan Pejabat Harta Benda sebelum bertugas di HEP.

Semasa di HEP beliau berpengalaman dalam urusan penginapan pelajar dan kenderaan, penyelenggaraan bangunan dan pentadbiran. Kini beliau memulakan tugas barunya di Fakulti Pergigian bermula pada 16 Ogos 2001.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya di HEP, beliau merupakan seorang kakitangan yang cukup berdedikasi dan bertanggungjawab. Pihak HEP amat berterima kasih di atas segala sumbangan yang telah diberikan oleh beliau. Semoga beliau akan terus memberi khidmat yang terbaik di Fakulti Pergigian.



Nor Hasim Khalil

## BAHASA KITA BAHASA DUNIA

### Penggunaan Ungkapan "Yang Berbahagia"

Ungkapan *Yang Berbahagia* digunakan sebagai sapaan sebelum nama gelaran bagi anugerah bintang atau pingat (negara, negeri atau masyarakat) dan seumpamanya yang terletak di depan nama orang sama ada penyandang pangkat atau jawatan tertentu atau tidak. Contoh penggunaan:

i. Yang Berbahagia Tun



## Wise Words

We can do no great things  
– only small things with great  
love.

📖 Mother Teresa

Sumbangan:  
Puan Rohani Ramly

- ii. Yang Berbahagia Toh Puan
- iii. Yang Berbahagia Tan Sri
- iv. Yang Berbahagia Puan Sri
- v. Yang Berbahagia Dato'
- vi. Yang Berbahagia Datin
- vii. Yang Berbahagia Datuk Seri
- viii. Yang Berbahagia Datin Sri
- ix. Yang Berbahagia Datin Paduka
- x. Yang Berbahagia Datuk Patinggi
- xi. Yang Berbahagia Datuk Amar

Ungkapan sapaan *Yang Berbahagia* juga boleh digunakan bagi anugerah daripada pencapaian akademik atau kelulusan. Kata *Tuan* atau *Puan* mengiringi *Yang Berbahagia*.

Contoh penggunaan:

- i. Yang Berbahagia Tuan Doktor Sulaiman Mohd
- ii. Yang Berbahagia Tuan Profesor Azim Aziz
- iii. Yang Berbahagia Tuan Profesor Madya Mohd Naim Mohd Noh
- iv. Yang Berbahagia Tuan Doktorandus Anurddin Salim
- v. Yang Berbahagia Puan Doktoranda Suraini Ali.
- vi. Yang Berbahagia Tuan Insinyur Ramlee Samad

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)  
oleh: Abdul Razak Halifa

**B**

Beliau dilahirkan di Hulu Langat Selangor, kini bertugas di **Seksyen Perhubungan Pelajar** sejak 1 Ogos 1995 sehingga ke hari ini. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian) dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pengalamannya selama 6 tahun mengendalikan persatuan-persatuan pelajar dan memberi khidmat nasihat dan panduan kepada pelajar untuk mengadakan aktiviti-aktiviti membuatkan beliau disenangi oleh kebanyakan pelajar apabila berurusan dengannya.



Sha'ary Mat Din

**Misi dan Harapan:** Kepada pelajar, beliau begitu mengharapkan agar sentiasa tenang menjalani 'kehidupan kampus'. Sekiranya ada masalah jangan malu bertanya atau merujuk kepada orang dewasa untuk mencari jalan penyelesaian dan beraktivitilah untuk mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Kepada pegawai dan staf, semoga bersemangat membantu perjuangan universiti mengekalkan kecemerlangan.

**Moto Hidup:** Ibu segala cita-cita ialah **sabar**  
 Ibu segala ibadat ialah **takut buat dosa**  
 Ibu segala ubat **sedikit makan**  
 Ibu segala adab ialah **sedikit bercakap.**

## Pemimpin Persatuan Pelajar

### Presiden Kolej Kediaman Pertama

"Penghuni Kolej Kediaman Pertama perlu memberi tumpuan kepada pelajaran dan berkerjasama untuk mewujudkan suasana selesa di kolej. Komitmen mereka kepada kedua-dua bidang perlu diseimbangkan dengan betul agar harapan semua pihak dapat direalisasikan." Cetusan ini ingin dikongsi bersama Saudara Ahmad Rozi Bin Shaari selaku **Presiden** Kolej Kediaman Pertama, UM. Beliau adalah anak kelahiran Arau, Perlis. Kini mengikuti Kursus Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik tahun ketiga di Fakulti Bahasa dan Linguistik. Selain menjadi Presiden Kolej Kediaman Pertama, beliau merupakan Pengarah OPKIM Langkawi 2001 dan Timbalan Pengerusi KEMAS.



Ahmad Rozi Shaari

Beliau menaruh harapan kepada seluruh mahasiswa agar memberi tumpuan kepada perkara yang tidak menyalahi undang-undang di samping menumpukan perhatian sepenuhnya masa untuk pelajaran. Usaha menimba ilmu pengetahuan boleh mematangkan diri untuk berdepan dengan dunia sebenar. Dengan cara ini mahasiswa boleh berada dilandasan yang benar dan hala tuju yang tepat demi membolehkan kejayaan yang diimpikan tercapai.

**23 Ogos 2001**  
 ❖ TNC (HEP) akan mengadakan perjumpaan dengan seluruh penghuni Kolej Koperasi Polis, Brickfield, jam 8.45 malam.

**22 - 25 Ogos 2001**  
 ❖ Pertandingan Debat Kemerdekaan 2001 yang akan diadakan pada 22 hingga 25 Ogos 2001, bertempat di Universiti Putra Malaysia. Pertandingan ini diadakan sempena Bulan Kemerdekaan yang disambut oleh negara. Peserta UM akan turut serta dalam pertandingan ini.  
 Jadual pertandingan:

- 22 Ogos 2001 (Peringkat Awal):  
 8.30 pagi, 11.00 pagi, 3.00 petg., dan 9.00 mlm.
- 23 Ogos 2001 (Peringkat Suku Akhir):  
 11.00 pagi, 3.00 petang dan 9.00 malam
- 24 Ogos 2001 (Peringkat Separuh Akhir):  
 10.00 pagi
- 25 Ogos 2001 (Peringkat Akhir):  
 9.00 pagi

**24 - 29 Ogos 2001**  
 ❖ Pesta Hari Terbuka Kolej Kediaman Pertama (sempena Minggu Kemerdekaan) dan juga Ekspo Jualan Merdeka.

## Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar**  
 Blok E, Kompleks Perdanasiswa Universiti Malaya.  
 Untuk perhatian:  
 Encik Mohd Fakhrurazi atau  
 Encik Abdul Razak Halifa  
 Tel: 79673563 Faks: 79568611

## Redaksi

**Penasihat**  
 Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob  
 Timbalan Naib Canselor (HEP)

**Pengerak/Jawatankuasa**  
 Puan Rohani Ramly  
 Encik Mohd Fakhrurazi Ibrahim  
 Encik Abdul Razak Halifa  
 Encik Azim Aziz  
 Encik Mohd Na'aim Muhd Noh